

MINGGUAN KKKG



Majlis Watikah Pelantikan JPP

1 Mac - Majlis Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) KK Kuching telah diadakan pada 1 Mac 2023 yang disampaikan oleh Pengarah, Puan Suharyati Sulaiman. Terlebih dahulu 10 orang perwakilan telah melafazkan Ikrar JPP yang disaksikan oleh barisan Pengurusan Tertinggi KKKG. JPP KK Kuching adalah berperanan untuk menjadi nadi kepada suara siswa-siswi kolej ini dan diharap amanah yang dipertanggungjawabkan dapat digalas dengan sebaiknya. Beberapa program telah dilaksanakan iaitu Program Smart Leadership serta Bengkel Penulisan Kertas Kerja ke arah pemanfaatan kemahiran kepimpinan dan sahsiah.



EDISI PERTAMA - Sebagai simbolik keluaran edisi pertama MINGGUAN KKKG, tema yang digunakan adalah berbentuk akhbar bagi memberi gambaran risalah ini adalah sebagai sebuah medium penyampaian maklumat kepada seluruh warga KK Kuching.

MINGGUAN KKKG merupakan terbitan Unit Komunikasi Korporat untuk merangkumkan program, aktiviti dan hebahan terkini sepanjang minggu.

MINGGUAN KKKG juga antara medium untuk menyebarluaskan maklumat berkaitan Kolej Komuniti Kuching kepada masyarakat setempat.

Sorotan Mingguan

Pelajar SJK Mulakan Pembelajaran



27 Feb - Pelajar Sijil Asas Jahitan Kreatif (SJK) memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan rasminya pada minggu ini. Program SJK merupakan program pembelajaran yang dibuka kepada pelajar OKU (masalah pembelajaran) yang tamat tingkatan 5 bagi mengikuti pengajian sepenuh masa dalam bidang jahitan kreatif. Seramai 5 orang pelajar telah berjaya memulakan pengajian bagi sesi kali ini. Pelajar OKU di Kolej Komuniti berpeluang menerima Bantuan Kewangan OKU (BKOKU) yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi iaitu sebanyak RM,5000 setahun.

Hebahan PRISS

CARA ATASI "BURNOUT" KETIKA BELAJAR

- Urus masa dengan bijak
- Rehat sebentar jika penat
- Susun jadual kerja ikut keutamaaan
- Elakkan sikap suka menangguh dan buat kerja di saat akhir
- Jangan pendam perasaan seorang diri
- Minta bantuan jika tertekan

Disediakan oleh :
Alif Aiman Bin Mahathir
Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi

Kursus Latihan Asas PRISS



3 Mac - Kursus Latihan Asas Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi (PRISS) telah dikendalikan oleh Unit Psikologi memberi pendedahan dan pemahaman tentang peranan dan prinsip asas PRISS. Kursus bagi Kelompok 5 ini melibatkan seramai 6 orang ahli baru.



KKKG PRIHATIN, 1 Mac - Kelab Sukan & Rekreasi KKKG telah maksanakan kutipan sumbangan Dana Tabung Misi Menyelamat Mangsa-Mangsa Gempa Bumi di Turkiye & Syria sebagai tanda keprihatinan kepada warga dunia yang memerlukan bantuan dan sokongan. Kutipan tersebut telah berjaya diserahkan pada 1 Mac kepada Kelab Sukan dan Rekreasi (RESClub) JPPKK.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Kursus Pendek yang telah berlangsung:

1. Kursus Microsoft Excel (Basic & Intermediate)
2. Kursus Latihan Asas Bertutur Bahasa Mandarin
3. Kursus Penghasilan Asas Bun Manis
4. Kursus Kemahiran Aplikasi Microsoft Power Point (Asas)
5. Kursus Asas Kemahiran Adobe Photoshop: Fesyen Digital
6. Kursus Jahitan Tote Bag
7. Kursus Penghasilan Sejuk Beku Doh Piza